

**PELANCONGAN SENI : KEWUJUDAN MAIN BAZAAR, KUCHING
MEMBANTU PENGEMBANGAN SENI DAN BUDAYA KRAFTANGAN
MASYARAKAT DI SARAWAK**

Mohamad Zaini B. Mohamad Isa @ Lus

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keputjian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN

JUDUL : PELANCONGAN SENI : KEWUJUDAN MAIN BAZAAR, KUCHING
MEMBANTU PENGEMBANGAN SENI DAN BUDAYA
KRAFTANGAN MASYARAKAT DI SARAWAK

SESI PENGAJIAN : 2004/2007

Saya : MOHAMAD ZAINI BIN MOHAMAD ISA @ LUS

Mengaku membenarkan tesis/ Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan (/)

<input type="checkbox"/>	SULIT	(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)
<input type="checkbox"/>	TIDAK TERHAD	

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat Tetap:

**J99, Jln. Berjaya, Felda Lubok Merbau,
06710 Pendang, Kedah.**

PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Pelancongan Seni : Kewujudan Main Bazaar, Kuching Membantu Pengembangan Seni dan Budaya Kraftangan Masyarakat di Sarawak**” telah disediakan oleh **Mohamad Zaini Bin Mohamad Isa @ Lus** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk dipeiksa oleh:

(Puan Qistina Donna Lee Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan penyelidikan dan projek tahun akhir ini untuk program Pengurusan Seni. Tanpa usaha dan berkat kesabaran yang utuh tidak mungkin saya dapat menyiapkan penyelidikan ini.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Puan Qistina Donna Lee Abdullah selaku penyelia saya yang banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan dorongan semasa menjalankan penyelidikan ini dan sepanjang saya di sini. Begitu juga kepada pensyarah lain iaitu Puan Noria, Cik Karen Audrey Samy, Cik Ema dan Puan Rahah Hj Hasan setinggi penghargaan saya berikan kepada semua. Segala tunjuk ajar dan sokongan yang telah diberikan sangat berharga dan tidak mungkin akan dilupakan.

Sekalung penghargaan juga kepada pihak Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) iaitu Cik Yati dan warga pengusaha kedai kraf di Main Bazaar, Kuching kerana sudi ditemuramah dan meluangkan masa untuk penyelidikan ini.

Buat ahli keluarga tersayang khasnya untuk ayahanda Mohamad Isa kerana banyak memberikan sokongan sepanjang menjalankan penyelidikan. Akhir sekali, buat rakan-rakan seperjuangan terima kasih banyak kerana sentiasa berada di sisi di samping tunjuk ajar yang diberikan.

Semoga segala sokongan dan bantuan yang diberikan secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menyiapkan penyelidikan ini akan mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Abstrak	ix
<i>Abstract</i>	x
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Permasalahan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Kesimpulan	12
BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Tourism : Principles, Practices and Philosophies	14
2.2.1 Kandungan Umum	
2.2.2 Kaitan Dengan Kajian	
2.3 Tourism Handicraft Production : The Changing Face of Malaysian Craft	16
2.3.1 Kandungan Umum	
2.3.2 Kaitan Dengan Kajian	
2.4 Tourism and Cultural Development in Malaysia	18
2.4.1 Kandungan Umum	
2.4.2 Kaitan Dengan Kajian	

2.5 Sistem Permintaan Pengguna	20
2.5.1 Kandungan Umum	
2.5.2 Kaitan Dengan Kajian	
2.6 Contemporary Tourism Issues in Asia Pasific Journals 1989-1996	21
2.6.1 Kandungan Umum	
2.6.2 Kaitan Dengan Kajian	
2.7 Qualitative and Quntitative Decision-Making Methods in Simulation Modelling	24
2.7.1 Kandungan Umum	
2.7.2 Kaitan Dengan Kajian	
2.8 Kesimpulan	26

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	27
3.2 Lokasi Kajian	28
3.3 Sumber Data	30
3.3.1 Data Primer	
3.3.2 Data Sekunder	
3.4 Populasi Kajian	32
3.5 Persampelan	33
3.6 Instrumen Kajian	34
3.7 Limitasi Kajian	35
3.8 Rumusan dan Kesimpulan	36

BAB 4 : ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	37
4.2 Penganalisaan Data	39
4.2.1 Analisa Kaedah Kuantitatif	
4.2.1.1 Borang Soal Selidik	
4.2.2 Analisa Kaedah Kualitatif	
4.2.2.1 Temuramah	
4.2.2.2 Pemerhatian	
4.3 Kesimpulan	61

BAB 5 : CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	63
5.2 Rumusan	64
5.3 Cadangan	67
5.3.1 Jalinan Kerjasama	
5.3.2 Perbanyakkan Penganjuran	
5.3.3 Meningkatkan Promosi	
5.4 Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang	71
5.5 Kesimpulan	72
Bibliografi	74
Lampiran	79

TAJUK :
PELANCONGAN SENI : KEWUJUDAN “MAIN BAZAAR”, KUCHING
MEMBANTU PENGEMBANGAN SENI DAN BUDAYA KRAFTANGAN
MASYARAKAT DI SARAWAK.

ABSTRAK

Main Bazaar, Kuching merupakan sebuah rangkaian gerai kraf yang menjual produk-produk kesenian dan kebudayaan (kraftangan) kaum dan etnik di Sarawak. Kewujudan Main Bazaar ini dapat memelihara warisan tradisional disamping memperkenalkan hasil kraftangan penduduk setempat kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Fokus utama penyelidikan adalah melihat sejauh mana sumbangan Main Bazaar kepada seni dan budaya kraftangan masyarakat di Sarawak dan perkembangannya.

TITLE:
ART TOURISM : THE EXISTENCE OF MAIN BAZAAR, KUCHING ASSIST
THE DEVELOPMENT ART AND CULTURE OF SARAWAK
HANDICRAFTS.

ABSTRACT

Main Bazaar, Kuching is one of the craft shops areas which selling arts and cultural products (handicraft) of Sarawak. With the existence of Main Bazaar, it will helps to promote and preserved of Sarawak handicrafts to the international and domestic tourists. Main focus of this research is to look at the contributions of Main Bazaar towards the development and preservation of Sarawak handicrafts.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Pelancongan seni merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang kepada ekonomi negara di samping memperkenalkan seni, budaya dan warisan bangsa di mata dunia. Sebagai usaha ke arah matlamat ini, Malaysia telah menjalankan beberapa inisiatif seperti memperkenalkan pelancong dengan pelbagai etnik di negara ini melalui pembangunan tempat-tempat pelancongan menarik di kawasan yang memiliki nilai-nilai estetika kesenian dan kebudayaan, misalnya kebanyakan tempat di negeri Sarawak. Antara tempat menarik tersebut adalah bangunan bersejarah Astana dan Fort Margherita, Muzium Negeri, tempat rekreasi dan perkelahan seperti Damai dan Santubong serta banyak lagi destinasi yang menggamit kenangan untuk dilawati.

Sarawak merupakan sebuah negeri yang mempunyai keluasan terbesar di Malaysia dan ibu negerinya ialah Kuching. Ia merangkumi sebelas (11) kawasan termasuk Kuching iaitu kawasan Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibuan, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Keunikan negeri ini juga tiada tolak bandingannya kerana terdapat pelbagai kaum dan etnik yang menjalani kehidupan seharian secara bersama dan aman harmoni. Dapat dilihat dari segi pakaian, peralatan, bahasa, barangan kraftangan dan budaya masing-masing yang menonjolkan keistimewaan tersendiri. Di dalam bahagian Kuching sahaja, populasi menunjukkan kira-kira 500 000 penduduk menetap di situ dan bangga dengan keadaannya yang

menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun asing. (Sarawak Tourism Board, 2006)

Kewujudan Main Bazaar adalah salah satu daripada usaha yang dijalankan kerajaan untuk memperkenalkan dan menarik minat pelancong terhadap seni dan budaya kraftangan masyarakat di Sarawak. Bangunan Main Bazaar telah lama wujud iaitu lebih kurang 100 tahun dahulu dan masih lagi utuh sehingga hari ini. Lokasinya yang strategik menambahkan lagi kemasyhurannya terhadap para pengunjung yang datang untuk membeli pelbagai barangan seperti perabot, baju, kain dan sebagainya. Main Bazaar terletak di hadapan Tebingan Sungai Sarawak (Waterfront) yang mana merupakan sebuah bangunan lama dan telah berusia beberapa abad di dalam Bandaraya Kuching. Ia amat popular dari zaman dahulu sehingga hari ini dan salah satu elemen tradisional yang terdapat pada Main Bazaar ialah senibina bangunannya. Secara peribadi dapat dilihat bahawa wujudnya rumah kedai yang bercirikan motif atau corak daripada tradisi Cina. Lazimnya, rumah kedai tersebut dihuni oleh ahli keluarga itu sendiri sejak turun-temurun sehingga sekarang dan menjadikannya sebagai tapak perniagaan warisan keluarga. Perniagaan tersebut masih dijalankan dan diteruskan oleh anak cucu mereka bagi mengekalkan warisan budaya supaya tidak terhakis begitu sahaja.

Bagaimanapun, dari segi penjualan barangan adalah berbeza dari semasa ke semasa bergantung kepada perubahan zaman yang semakin maju serta citarasa para pengguna atau pembeli dan pelancong yang memiliki tahap kepuasan yang tinggi dan harus dituruti. Pada awal kemunculannya, penjualan barangan di dalam bangunan itu lebih bersifat kepada pembuatan besi atau logam, bertukang dan berniaga secara kecil-kecilan. Ia berbeza dengan zaman sekarang yang mana

kebanyakan kedai cenderung menjual barangan dan produk kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum yang terdapat dalam masyarakat di Sarawak. Sebagai contoh, pengusaha menjual barangan hasil daripada kaum Iban, keropas-kerapis orang Bidayuh dan perhiasan orang Ulu. Pelbagai jenis patung (hiasan) sehinggalah kepada biji-biji manik ada dijual di Main Bazaar. Keprihatinan pihak Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) terhadap penjagaan dan pemuliharaan Main Bazaar ini, setidak-tidaknya memberi peluang kepada individu yang menghasilkan barangan tersebut, pengusaha kedai dan para pelancong yang datang untuk membeli. Di samping itu, pengembangan dalam sektor seni dan budaya dapat diketengahkan lagi dengan penghasilan barangan kraftangan yang bermutu dan berkualiti tinggi.

1.2 DEFINISI

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengutarakan definisi yang menjadi kata kunci kepada tajuk yang dikaji. Definisi-definisi yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan pelancongan, maksud bazaar, kraftangan serta seni dan budaya.

Pelancongan dalam perkataan Latin iaitu '*tonare*' dan dalam perkataan Greek iaitu '*tornos*' yang membawa maksud pergerakan dalam satu bulatan. Jafari (1977) mendefinisikan pelancongan sebagai satu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semulajadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas pada keperluan mereka dan juga kesan ke atas diri mereka serta industri itu daripada sudut sosio-budaya, ekonomi dan persekitaran.

Seterusnya, '*bazaar*' merupakan kelompok kedai kecil atau gerai tempat menjual berbagai-bagai jenis barang (kain, baju, dan lain-lain). Dalam bahasa Parsi, bazar adalah pasaran di tempat terbuka dan kebiasaannya boleh dijumpai di kawasan Timur Tengah yang berbudayakan Islam. Menurut kajian asal, perkataan *bahachar* berasal dari Pahlavi yang bermaksud tempat menjual beli.

Kraftangan pula didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai perusahaan (kerja, seni dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan. Tumpuan juga boleh beralih kepada bidang yang sering menarik minat pelancong.

Seni dan budaya mempunyai pelbagai maksud dan definisi mengenainya. Shuhaimi Hj. Muhammad mentakrifkan seni sebagai halus, indah, murni, menarik, cantik, luar biasa, ghaib, ajaib, abstrak dan melampaui jangkauan berfikir. “Semuanya adalah berhubungan dengan material, mental dan spiritual (kebendaan, pemikiran dan kerohanian). Maka, seni selalunya merupakan manifestasi dari pengalaman, keintelektualan, kebijaksanaan dan kerohanian manusia”.

Menurut Kamus Dewan (edisi ketiga), kesenian adalah suatu karya (sajak, lukisan dan lain-lain) yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan.

Dalam kamus yang sama, budaya bermaksud tamadun atau peradaban manusia sementara kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir dalam segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.

Kesimpulannya, seni dan budaya adalah penting dalam sesebuah masyarakat dalam memperkembangkannya kepada umum. Oleh yang demikian, ‘Main Bazaar’ bertindak dengan menjual barangan yang bersifat seni dan budaya sesuatu kaum yang terdapat di Sarawak melalui pasaran yang terbuka iaitu tempat yang menjadi tumpuan pelancong.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah penting dalam menjalankan penyelidikan agar ia tidak menyimpang atau terpesong daripada tajuk yang dibincangkan. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif sebagai pemandu arah di dalam menjayakan penyelidikan yang dibuat.

Objektif utama penyelidikan ialah mengenal pasti usaha-usaha yang telah dijalankan yang mana menyebabkan Main Bazaar berkembang dan menjadi begitu terkenal sehingga ia disenaraikan di dalam bahan promosi pelancongan di Sarawak. Penyelidikan mungkin dilihat dari aspek penjualan barangan dan hubungan individu dengan individu yang lain seperti pengusaha kedai dengan pelanggan yang datang untuk membeli. Dalam aspek penjualan barangan, pengkaji ingin melihat bagaimana sambutan yang ditunjukkan oleh pelancong terhadap harga yang ditawarkan sama ada berpatutan atau sebaliknya. Sementara aspek hubungan individu dengan individu, ia merujuk kepada hubungan baik antara pengusaha kedai dengan pelancong dan pihak lain seperti Pos Malaysia yang bertindak menghantar barang yang telah dipesan oleh pembeli.

Di samping itu, objektif penyelidikan ini juga adalah untuk menyedarkan orang ramai khususnya masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia mengenai kegiatan seni dan budaya yang ditonjolkan oleh Main Bazaar sebagai pusat kraftangan di Sarawak.

Pengkaji juga ingin mengkaji penerimaan masyarakat tempatan dan pelancong asing terhadap barangan dan produk kesenian dan kebudayaan yang terdapat di Main Bazaar. Tahap kepuasan dapat dicapai sekiranya pelancong berpuas hati dengan penjualan barang yang membolehkan mereka membeli seterusnya menjadikannya sebagai memori untuk dibawa pulang. Tahap kepuasan tersebut dapat dilihat dari segi keselesaan pelancong untuk ke Main Bazaar dan bagaimana pihak terbabit menyambut kedatangan para pelancong yang datang. Sistem permintaan yang dibuat oleh pelancong hendaklah dituruti kerana para pengguna sering dibatasi oleh pendapatan yang mereka ada dan harga barang yang terdapat di pasaran.

1.4 HIPOTESIS

Pengkaji membuat satu hipotesis dengan mengandaikan bahawa kedai kraf seperti Main Bazaar ini dapat membantu dalam mengembangkan seni dan budaya kraftangan masyarakat di Sarawak seterusnya menjadi pusat kraftangan utama kepada para pelancong untuk mendapatkan barangan kesenian dan kebudayaan.

1.5 SKOP KAJIAN

Dalam skop kajian, pengkaji lebih cenderung untuk mengkaji jumlah rangkaian kedai atau gerai yang terdapat di dalam kelompok Main Bazaar. Penentuan jumlah sebenar adalah penting bagi memudahkan para pelancong yang datang untuk membuat pilihan dalam proses pembelian kelak.

Selain itu, pengkaji ingin mengenal pasti keberkesanan promosi yang dijalankan oleh para pengusaha atau pihak yang berkenaan lain dalam memperkenalkan dan melariskan barangan yang dijual. Kaedah promosi yang berkesan dapat membantu meningkatkan lagi pengembangan seni dan budaya kraftangan masyarakat yang terdapat di Sarawak seterusnya menambahkan kadar pelancong asing yang datang ke Kuching khususnya Main Bazaar.

1.6 PERMASALAHAN KAJIAN

Untuk menjalankan penyelidikan ini, pengkaji telah mengenal pasti bahawa terdapatnya masalah yang timbul dan harus diperbetulkan agar barangan seni dan budaya setiap kaum tidak dieksploitasi dan terhakis begitu sahaja.

Masalah utama dalam penyelidikan yang dibuat ialah kurangnya rangkaian kedai atau gerai yang menjual barangan seni dan budaya kraftangan masyarakat di Sarawak seumpama dengan Main Bazaar. Sebagai contoh dapat dilihat kepada kedai yang menjalankan perniagaan secara berasingan atau individu iaitu menjual barangan kraf yang sama seperti Sarakraf Pavillion dan Pusat Kraftangan Negeri Sarawak. Oleh itu, kewujudan Main Bazaar, Kuching amat menguntungkan bagi kedua-dua belah pihak antara pengusaha dengan pelancong.

Permasalahan lain yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah kurang sumbangan dan bantuan daripada pihak kerajaan, swasta atau agensi-agensi pelancongan dalam membantu peningkatan dan pengembangan Main Bazaar, Kuching dalam industri pelancongan. Sebagai contoh, kurang hari bersama yang melibatkan komuniti Main Bazaar seperti Hari Terbuka yang sering diadakan di hadapan Tebingan Sungai Sarawak (Waterfront).

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan mengenai pengembangan seni dan budaya melalui kewujudan Main Bazaar adalah penting kepada semua pihak yang terlibat seperti para pengusaha mahupun kepada para pelancong itu sendiri. Ia adalah satu usaha positif di antara kedua belah pihak yang mana memberi peluang kepada pengusaha untuk memajukan lagi prestasinya dalam penjualan barangan kraf. Sementara itu, para pelancong dapat menikmati pelbagai barangan dan mudah dalam membuat keputusan apabila hendak membeli.

Penyelidikan yang dilakukan adalah penting kepada Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Sarawak Tourism Board (STB), Tourism Malaysia dan agensi-agensi pelancongan untuk membuat pemerhatian serta bertindak balas dengan mengambil langkah yang efektif bagi mengembangkan Main Bazaar, Kuching di mata pelancong yang datang.

Bagi DBKU, mungkin penyelidikan ini penting terhadapnya dalam menaik tarafkan bangunan atau rumah kedai yang terdapat di sepanjang Main Bazaar, Kuching. Di samping itu, kajian ini dapat membantu pihak DBKU dalam mengembangkan dan melahirkan strategi mereka untuk mempertingkatkan lagi pembangunan di Main Bazaar, Kuching. Kepentingan kajian ini juga dapat ditujukan kepada pihak Sarawak Tourism Board (STB) iaitu melalui kajian ini, pihak STB berupaya mempromosikan Main Bazaar, Kuching dengan memperbanyakkan maklumat-maklumat yang berkaitan di dalam buku-buku pelancongan Sarawak. Maklumat-maklumat terperinci mengenai kraftangan hasil daripada masyarakat yang

terdapat di Sarawak penting dalam menarik minat dan perhatian pelancong untuk datang.

Selain itu, ia juga penting dan memberi manfaat kepada kurikulum yang terdapat di sekolah, institut pengajian awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Melalui kajian ini, pelajar mudah memperolehi barangan kraftangan dan dapat menambahkan pengetahuan mengenai kraftangan tempatan. Seterusnya, dapat menyelamatkan daripada terhakis oleh teknologi semasa.

1.8 KESIMPULAN

Keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang mengenai kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah menyentuh secara mendalam mengenai kajian dan memberikan penerangan terhadap punca utama yang menjadi subjek penyelidikan. Definisi-definisi terhadap tajuk kajian juga dibincangkan agar pengkaji memahami setiap proses dan langkah yang akan dilakukan pada bab yang seterusnya.

Objektif kajian juga dibincangkan dalam bab ini yang bertujuan untuk memandu pengkaji supaya tidak terpesong daripada meneruskan penyelidikan ini. Sementara itu, pengkaji telah menetapkan satu hipotesis yang sesuai terhadap kajian ini supaya ia dapat memberikan jalan penyelesaian kepada permasalahan yang wujud dalam membantu mengembangkan seni dan budaya kraftangan masyarakat di Sarawak.

Pengkaji juga telah menetapkan skop bagi kajian ini dan kepentingan kajian kepada semua pihak yang terlibat. Kepentingan kajian ini dapat menyedarkan pihak- pihak yang berkenaan mengenai kewujudan Main Bazaar, Kuching sebagai pusat penjualan barangan kraf. Dengan ini, pihak terbabit dapat menjadikannya sebagai panduan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 MAKLUMAT BIBLIOGRAFI / RUJUKAN

Definisi-definisi dan pengertian yang berkaitan dengan pelancongan, bazar, seni dan budaya serta kraftangan dapat diperolehi daripada pelbagai sumber misalnya buku, majalah mahupun maklumat di Internet. Pengkaji telah membuat kajian mengenai kandungan umum yang terdapat di dalam buku yang dikaji dan mengaitkannya dengan kajian yang dijalankan. Langkah ini membantu pengkaji dalam memahami dan mendalami penyelidikan yang dilakukan supaya ia dapat dijadikan petunjuk kepada awam mahupun pengkaji akan datang. Di dalam kandungan umum, penjelasan ringkas dan spesifik mengenai tajuk buku tersebut dibuat dan melihat pendekatan yang digunakan oleh penulis dalam menghubungkan dengan tajuk kajian. Seterusnya, perkaitan itu perlu selari dengan dan bersifat konkrit sebagaimana yang terdapat di dalam buku tersebut. Setelah maklumat diperolehi dan dikumpul, pengkaji dapat mengkategorikan dan memilih maklumat yang berkaitan sahaja dengan penyelidikan. Tujuannya adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan lagi penyelidikan yang dilakukan di samping pendapat dan pandangan pengkaji sendiri.

2.2 Tourism : principles, practices, philosophies. (8th ed.) pp. 7-15.

2.2.1 KANDUNGAN UMUM

Dalam buku *Tourism : principles, practices, philosophies* yang ditulis oleh Charles R.G, Brent J.R, Robert M., (1980) mengandungi definisi pelancongan secara umum dan jelas kepada pengkaji. Ia menceritakan tentang fungsi dan peranan pelancongan kepada sesebuah tempat atau destinasi di samping mengklasifikasikan pelancongan itu kepada beberapa jenis. Pertama ialah Pelancongan Antarabangsa (*inbound* dan *outbound*), Pelancongan Dalaman, Pelancongan Domestik dan Pelancongan Peringkat Kebangsaan iaitu antara satu negara dengan negara yang lain.

Selain itu, statistik kedatangan pelancong juga ditunjukkan dan diterangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu tempat itu menjadi perhatian dan menarik kedatangan orang ramai. Bagaimanapun, statistik tersebut lebih menumpukan kepada negara-negara maju seperti Australia dan Switserland. Di sini, pengkaji telah mengambil maklumat yang berkaitan sahaja sebagai panduan dalam penyelidikan.